

29 FEB 1996

PERDANA MENTERI BERLEPAS KE BANGKOK UNTUK HADIRI ASEM

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Bangkok untuk menghadiri sidang kemuncak Asia-Eropah (ASEM) yang bermula esok.

Pemimpin dari 10 negara Asia termasuk tujuh negara ASEAN dan 15 pemimpin dari Eropah akan menghadiri mesyuarat dua hari itu di ibu negara Thai.

Dr Mahathir diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff ialah antara mereka yang berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk mengucapkan selamat jalan.

Terdahulu, Dr Siti Hasmah melepaskan para peserta yang menyertai acara Le Tour de Langkawi.

Perlumbaan itu menyaksikan sebanyak 138 peserta dari 18 negara berbasikal mengelilingi pulau ini dan juga melalui semua negeri di Semenanjung. -- BERNAMA

MFJ FAZ